

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

KELUARAN 12/2024 BIL. 22

Inspirasi



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS

اوتورستيتي للتدريس سلطان ادريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY



PENERAJU
KEBITARAHAN
PENDIDIKAN

اوتورستيتي للتدريس

Tahap

SITC • MPSI • IPSI • UPSI • 1922-2022

Majalah Inspirasi

Majalah universiti yang diterbitkan empat bulan sekali berkonsepkan inspirasi dan eksplorasi untuk santapan pembaca

Keluaran 12/2024 Bil. 22

Disember 2024

ISSN 1823-9331

SIDANG EDITORIAL

Prof. Madya Dr. Mohd Izwan bin Shahril

Prof. Madya Dr. Ghazali bin Din

Dr. Norfaizah binti Abdul Jobar

Marini binti Masdar

Ramli bin Mosmin

Datin Norhayati binti Hood

Nurul Hafizan binti Abdul Rahman

WARTAWAN

Ramli bin Mosmin

YM Dr. Raja Ahmad Shalaby bin Raja Hassan

Mohd. Razalli bin Ahmad Termizi

Nurul Hafizan binti Abdul Rahman

JURUFOTO

Fisol bin Ahmad

Shahidah binti Abu Hassan

Nurul Hasniza binti Mohd Rashid

Ahmad Tamrin bin Ali Hanafiah

REKA BENTUK KULIT

Redzuan Shah bin Datu Sahadun

KONSEP DAN REKA LETAK

Ramli bin Mosmin

TEKNIKAL

Mohamad Yunus bin Mohd Mustafa

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Bangunan Canseleri

Universiti Pendidikan Sultan Idris

35900 Tanjong Malim

Perak

Emel: ccd@upsi.edu.my

Tel: 05-450 6661

@HAK CIPTA TERPELIHARA. Sebarang bahagian dalam penerbitan majalah ini tidak boleh diulang cetak atau disiarkan dalam apa-apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Bahagian Komunikasi Korporat, Universiti Pendidikan Sultan Idris.





UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS

اونيورسيتي قنديديقن سلطان ادريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY



PENCIPTA LOGO
Nurmaisara binti Ahmad
 Pejabat Karang Mengarang




Logo UPSI berwarna keemasan diletakkan dalam angka 100 bagi memaparkan legasi SITC, MPSI, IPSI dan UPSI selama 100 tahun yang masyhur dalam membina kebitaraan pendidikan negara.

Bangunan Suluh Budiman dalam angka 100 berwarna keemasan melambangkan bangunan ini kekal utuh sejak era SITC. Bangunan ini telah digazetkan sebagai Bangunan Warisan Kebangsaan pada 14 Februari 2009 di bawah akta Warisan Kebangsaan 2005 justeru menjadi salah satu simbolik kemegahan UPSI.



Garisan lengkung di bawah angka 100 tahun melambangkan gelombang peredaran zaman kegemilangan UPSI. Perubahan ini dimulakan dengan SITC, MPSI, IPSI, UPSI selain meletakkan angka 1922-2022 sebagai bukti era kewujudan UPSI hingga kini.



Warna emas cerah melambangkan kegemilangan, kekayaan ilmu dan kemasyhuran pendidikan manakala warna emas gelap melambangkan daya saing, keyakinan, kerjasama sepasukan dan evolusi pendidikan yang berterusan.

PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN

Peneraju Kebitaraan Pendidikan Universiti Pendidikan Sultan Idris menerajui dunia pendidikan bersandarkan nilai kebitaraan setiap warga UPSI.

قنراجو كبيتارآن قنديدقن

Peneraju Kebitaraan Pendidikan Institusi pendidikan terulung ini senantiasa memartabatkan tulisan jawi dan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Tahun baharu 2025 bakal menjelma dan kita akan meninggalkan tahun 2024 yang penuh dengan kejayaan dan kenangan manis. Kekurangan yang dilakukan oleh UPSI harus kita lupakan dan jadikan



PROFESOR MADYA DR. MOHD IZWAN SHAHRIL

pengalaman yang berharga untuk kita menempuh hari yang lebih mencabar di tahun-tahun mendatang.

Buletin kali ini masih mengekalkan konsep sedia ada dengan perkongsian pengalaman dan kejayaan dalam kalangan warga UPSI (pengurusan tertinggi, kakitangan, pelajar, pekerja pembersihan dan lain-lain yang sama-sama menyumbang untuk UPSI) untuk dijadikan panduan buat seluruh pembaca. Sama-samalah kita mencipta kejayaan mengikut bidang kepakaran masing-masing dalam menjulang nama UPSI dalam masa yang sama bakal menjadi panduan kepada orang lain untuk berusaha mencapai kejayaan.

Jika kita imbas semula sepanjang setahun ini, pelbagai kejayaan telah dicipta oleh warga UPSI dalam pelbagai bidang dan lapangan. Mengharapkan agar momentum kejayaan ini terus dikekalkan dan terus membakar semangat kepada orang lain. Tanamkan dalam diri masing-masing, jika orang lain boleh menyumbang

kita juga seperti mereka yang telah berjaya untuk menyumbang dan menjulang nama UPSI.

Saya mengambil pendekatan terbuka kepada sesiapa warga UPSI yang ingin menyumbang dalam pelbagai bentuk sama ada tenaga, idea dan pandangan dalam penerbitan buletin ini pada masa kini mahupun akan datang untuk kebaikan bersama. Bagi pihak sidang editorial penghasilan buletin ini akan menjadi bahan arkib dan rujukan bagi pentadbir yang akan menerajui UPSI pada masa hadapan.

Sekian, selamat menyambut tahun baharu.





**PROFESOR DATO' DR.
MD AMIN MD TAFF**

Warga UPSI harus berani mencuba ilmu baharu dalam mendepani dunia yang semakin mencabar

Assalamualaikum WBT dan Salam Seabad Ibu Kandung Suluh Budiman

Selamat Tahun Baharu 2025 kepada seluruh warga universiti, termasuk pelajar, pensyarah, dan kakitangan. Semoga tahun yang baharu ini membawa kita kepada lebih banyak kejayaan, kegigihan, dan kecemerlangan dalam segala bidang yang kita ceburi.

Tahun yang telah berlalu penuh dengan cabaran dan pencapaian dan kini, kita melangkah ke hadapan dengan semangat yang baharu untuk mencapai lebih banyak kejayaan. Mari kita teruskan usaha bersama untuk memajukan universiti ini, menjadikan ia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan dan penyelidikan di peringkat global.

Dengan tekad dan komitmen yang tinggi, saya yakin kita akan dapat mengatasi segala halangan dan

meneruskan usaha untuk melahirkan graduan yang bukan sahaja berilmu, tetapi juga mempunyai ciri kepimpinan dan tanggungjawab sosial yang tinggi.

Semoga tahun baharu ini membawa kebahagiaan, kesihatan yang baik, dan kejayaan yang berterusan. Terima kasih atas sumbangan dan dedikasi anda semua. Mari kita sama-sama menjadikan tahun 2025 sebagai tahun yang penuh dengan kejayaan dan pencapaian cemerlang.

Universiti Pendidikan Sultan Idris merupakan sebuah institusi pendidikan yang bersejarah dan penuh dengan tradisi yang membanggakan. Sebagai warga Anak Kandung Suluh Budiman, kita harus berani mencuba sesuatu yang baru dalam menghadapi dunia yang semakin mencabar. Perubahan yang berlaku dengan pantas dalam pelbagai aspek kehidupan memerlukan kita untuk sentiasa bersedia dan terbuka kepada idea dan

pendekatan yang baharu. Dalam menghadapi perubahan ini, kita perlu memiliki semangat inovasi dan keberanian untuk mengambil langkah berani demi kemajuan bersama.

Selain itu, kita juga harus menjadi insan yang sentiasa mengenang jasa orang-orang yang telah membantu kita dalam mencapai kejayaan. Setiap sokongan yang diberikan oleh mereka, sama ada dalam bentuk bimbingan, nasihat atau bantuan lain, memainkan peranan penting dalam membentuk kejayaan kita. Menghargai jasa mereka bukan sahaja akan membawa kebahagiaan dalam hidup kita, tetapi ia juga akan membuka pintu kejayaan yang lebih besar. Bahkan, mereka yang sentiasa berterima kasih dan menghormati orang lain akan sentiasa dirahmati oleh Allah SWT.

Selamat Tahun Baharu!

#DemiUPSI

Inspirasi Keluaran ini

Inspirasi Pentadbir

Minat dan kepakaran dalam pembangunan web dan aplikasi membolehkan Khairul Asyrani bin Sulaiman menyertai pertandingan inovasi, persidangan dan pameran yang diadakan oleh agensi kerajaan mahupun swasta. Pencapaian dan anugerah yang diperoleh membuktikan beliau adalah seorang yang berinovatif, aktif dan strategis.

Inspirasi Alumni

Impian bawa mama ayah duduk sekali di barisan hadapan konvokesyen tercapai, Nur Atiqa Balqis binti Abdul Samad tidak malu bawa gelaran 'anak estet', membuktikan kejayaan mampu dicapai dengan usaha gigih tanpa mengira latar belakang. Menerima Anugerah Khas Kesukarelawan Dato' Sri Abdul Jabbar Ibrahim semasa Istiadat Konvokesyen UPSI ke-26 yang lalu, Nur Atiqa meletakkan sasaran sebagai seorang guru demi menggapai cita-citanya.

Eksplorasi Muallim

Etaman Dusun Stay yang terletak di Kampung Simpang 4 Dalam menjadi lokasi perkelahan dalam dusun tepi sungai yang unik di Tanjong Malim, menawarkan kemudahan mini kolam renang chalet, gazebo dan tapak perkhemahan. Pemiliknya, Kamarozaman bin Yunus dan Hanita binti Idris yang pernah mengusahakan Gerai Juita di Medan Selera Tanjong Malim selama 30 tahun.

10



16



20



Warisan Muallim

Kampung Kubu merupakan antara penempatan terawal di Tanjong Malim. Kawasan ini pada awalnya diterokai oleh enam orang pahlawan Bugis dan dinamakan sebagai Tanjong Jambu. Pada zaman itu, penduduk kampung membuat kubu pertahanan di tepi Sungai Bernam dan seberang Kampung Jambu menjadi kawasan strategik dan berguna sebagai tempat perlindungan bagi kanak-kanak dan wanita serta alat-alatan bekalan makanan dan bahan-bahan senjata.

24



Inspirasi BITARA

Prof. Dr. Ishak bin Saat, seorang pendidik yang berpengalaman luas dan telah berkecimpung dalam bidang pendidikan melebihi 20 tahun khususnya dalam Pengajian Melayu dan Sejarah, sejak 1988 sehingga kini. Prof. Dr. Ishak sentiasa didik pelajar mencuba pendekatan baharu dalam pengajaran dan pembelajaran subjek Sejarah demi kerana menarik minat pelajar menyukai subjek Sejarah.

30



Lain-lain

36

Wira kita

Dilahirkan dalam keluarga yang ekonominya sederhana menyebabkan Izati cuba mencari duit poket sendiri semasa belajar di universiti. Jika rakan-rakannya membuat kerja secara sambilan seperti di kedai-kedai, Izati pula memilih bertarung di medan Muay Thai untuk mencari duit poket. Hasil yang diterima dari penyertaan dan kemenangannya di kejohanan yang disertai digunakan untuk meringankan beban keluarga.





Khairul Asyrani Sulaiman Pegawai IT Berinovatif



Oleh:
YM Dr. Raja Ahmad Shalaby
bin Raja Hassan
shalaby@upsi.edu.my

Khairul Asyrani bin Sulaiman bergraduasi dari Universiti Teknologi Malaysia pada tahun 2003. Beliau diterima sebagai kakitangan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sejak 16 Julai 2004. Sekarang beliau memegang jawatan sebagai Pegawai Teknologi Maklumat Kanan merangkap Ketua Bahagian Automasi, Perpustakaan Tuanku Bainun, UPSI. Sudah berkahwin dan mempunyai dua orang anak perempuan. Mempunyai minat dan kepakaran dalam pembangunan web dan aplikasi terutamanya untuk perpustakaan akademik.

Anak kelahiran Jitra, Kedah ini merupakan anak sulung daripada lima adik-beradik.

“Saya berpindah ke beberapa negeri untuk bersekolah kerana pekerjaan arwah ayah. Saya mula bersekolah di Sekolah Kebangsaan Bandar Jerantut, Pahang, kemudian ke Sekolah Kebangsaan Selayang Jaya (Batu Caves), Sekolah Menengah Ideal Heights, Batu Caves dan Sekolah Menengah Kebangsaan Tanjung Pauh, Jitra,” katanya bila ditemu bual.

“Jika anda perhatikan, saya tidak pernah ke sekolah asrama walaupun keputusan akademik saya baik dan cemerlang. Saya sangat memilih apa yang saya makan, oleh sebab itulah saya tidak pernah berhasrat ke sekolah berasrama. Untuk rekod, saya pernah menerima tawaran dari Maktab Melayu Kuala Kangsar setelah mendapat 8A dalam PMR, tetapi saya menolak tawaran itu,” jelasnya.

“Saya telah memilih untuk tidak melanjutkan ke peringkat STPM, Diploma atau Matrikulasi selepas SPM (mendapat 9 agregat dalam SPM) kerana merasakan itu akan membuang masa dan memutuskan untuk meneruskan mengikut program Integrasi Sains Komputer di UTM, Skudai,” jelas beliau lagi.

BIDANG KEPAKARAN

Antara bidang kepakaran Khairul Asyrani dalam bidang IT ialah Pembangunan Aplikasi Web (PHP/MariaDB/MySQL), Pembangunan Aplikasi Android/Ios, Pemasangan dan Konfigurasi Perisian/Produk Perpustakaan: Eprint, Dspace, vuFind, Penuaian Metadata OAI-PMH/JSON dan Repositori Institusi dan Pengurusan Pengetahuan.

Khairul Asyrani juga kerap dijemput menyampaikan ceramah dan memberi latihan kepada agensi luar melibatkan pembangunan perisian dan perkembangan idea inovasi.

Dalam melaksanakan tugasnya di Perpustakaan Tuanku Bainun, beliau bertanggungjawab dalam mengurus dan menyelia Bahagian Automasi Perpustakaan Tuanku Bainun, menguruskan projek perisian, pembangunan aplikasi web dan aplikasi mudah alih, mengendalikan pembelian dan penyelenggaraan berkaitan IT, menjaga keselamatan pelayan, web dan rangkaian, inovasi R&D untuk membina dan meramalkan perisian/aplikasi masa depan serta mengurus dan mentadbir infrastruktur ICT perpustakaan.

Sekarang anak muda ini ditawarkan mengikuti Program Pembangunan Profesional Pengajaran Pensyarah dan Pentadbir UPSI pengkhususan dalam Applied Generative AI for Digital Transformation di MIT USA mulai 17 Disember 2024 hingga 26 Februari 2025.

PENCAPAIAN YANG MENGAGUMKAN

Sebagai jurutera komputer dan pakar dalam bidang perisian, Khairul Asyrani banyak menyertai pertandingan inovasi, persidangan dan pameran yang diadakan oleh agensi kerajaan mahupun swasta. Senarai pencapaiannya di bawah membuktikan beliau adalah seorang yang berinovatif, aktif dan strategis.

- Pustaka Vendor Rating System (PUSTAKA VRS) - Presented in National Academic Libraries Seminar, Kota Bharu, Kelantan pada 5-7 Julai 2011.
- Bronze Medal - Malaysia Technology Expo (MTE) pada 21-23 Februari 2013.
- Presented at International Digital Library Conference (IDLC) 2014, Kuala Lumpur pada 8-10 April 2014.
- SiberPROP: Silver Medal - International Invention & Innovation Competition (ITEX) 2014.
- Presented at International Digital Library Conference (IDLC) 2014, Kuala Lumpur

- pada 8-10 April 2014.
- OffPAC: Gold Medal - International Invention & Innovation Competition (ITEX) 2015 pada 21-23 Mei 2015.
- SiberPROP: Online Course Application And Analysis System pada 5 Jun 2014.
- iPustaka (Bronze Medal), PUSTAKA VRS (Silver Medal).
- Gold Medal - International Conference and Exposition on Inventions by Institutions of Higher Learning (PECIPTA) pada 4-6 Disember 2015.
- NUCEL2015 - National University Carnival On E-Learning pada 14-15 Disember 2015 di Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Champion: 2016 Public Universities ICC Convention pada 3-4 Ogos 2016.
- Gold: MPC Team Excellence Mini Convention 2017 Northern Region pada 18 April 2017.
- OffPAC (Hadiah Saguhati) - Anugerah Inovasi Menteri Besar Perak (AIMB), Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam, Peringkat Negeri Perak 2017.
- sWADAH (Silver Medal) - 2019 Inventors' Hall of Fame International Competition of Ideas, Inventions & Innovations (iFame 2019) pada 27 September 2019 di Dewan Perdana, UiTM Kedah.
- sWADAH (Best Innovator Award) - Persidangan

- Tahunan Perpustakaan Malaysia (PTPM 2021) pada 14-18 Jun 2021, Online Conference via Zoom.
- Gold - Konvensyen KIK Universiti Awam Kali Ke-16, UTHM pada 20 September 2022.
- Bronze Medal - Penjadualan Kakitangan: Inovasi menerusi ScheduleUS, Persidangan Tahunan Perpustakaan Malaysia 2023.

Menurut Khairul Asyrani, sistem yang diciptanya paling banyak memberi kejayaan dan kesan besar kepada perpustakaan ialah sWADAH. Ia merupakan sistem perpustakaan yang bertujuan menyokong kepelbagaian piawaian antarabangsa seperti menyokong OAI-PMH versi 2.0 dan metadata bagi pengindeks atas talian seperti Google Scholar. "Dengan sWADAH, saya berharap institusi yang belum mempunyai kepakaran dan pembangunan IR, dapat menggunakan sWADAH kerana ianya dibangunkan dengan satu set minda menjadikan ia mudah digunakan," jelas beliau lagi.

Khairul Asyrani menerima pelbagai anugerah dari pihak UPSI. Antaranya ialah:

- Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2006 pada 6 Ogos 2007.
- Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2015 pada 20

- April 2016.
- Anugerah Kecemerlangan Staf 2015: Anugerah Pentadbir Harapan pada 4 Mei 2016.
- Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2020 pada 5 April 2021.
- Anugerah Inovasi Pembangunan Rekabentuk Integrated Strategic Data Management System UPSI (MyISDMS) pada 18 Februari 2022.
- Anugerah Pentadbir Gemilang (Inovasi Kejuruteraan/Teknologi Maklumat dan Komunikasi) pada 1 April 2022.

TERKINI

Di samping menjalankan kerja-kerja hakiki beliau, Khairul Asyrani sering dijemput untuk menyampaikan ceramah, menjadi fasilitator dan pakar rujuk. Antaranya ialah:

2024

1. Peserta Applied Generative AI for Digital Transformation, MIT USA.
2. Menulis 2 buah buku berjudul 50 Tujuan Menggunakan ChatGPT (ISBN 9786299508014) dan 20+ Tujuan Menggunakan ChatGPT Untuk Pustakawan (eISBN 9786299508021).
3. Penceramah Budaya Kerja Kelas Pertama: Pemikiran Kreatif dan

Inovatif bagi Program Transformasi Minda 2024.

2023

1. Penceramah Budaya Kerja Kelas Pertama: Pemikiran Kreatif dan Inovatif bagi Program Transformasi Minda 2023.
2. Panel Forum Excelib anjuran Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT): Innovative Technologies in Libraries,
3. Penceramah Budaya Kerja Kelas Pertama: Pemikiran Kreatif dan Inovatif bagi Program Transformasi Minda 2022.

2021

1. Fasilitator Latihan Penggunaan Malaysian Academic Libraries Statistics (MYLIST) di

RUJUKAN DAN PERANAN



Pecipta'15 Closing Ceremony and Award Presentation

By
YB Dato' Seri Idris bin Jusoh
Minister of Higher Education



peringkat perpustakaan akademik universiti awam.

2. Pembangun Prototaip MyISDMS Bahagian Perancangan Korporat, UPSI.
3. Penceramah jemputan bagi sesi "Perkongsiannya Ilmu dan Pengalaman Inovasi di Perpustakaan,"

Perpustakaan USIM.

2020

1. Pakar rujuk Projek Pembangunan Modul Kepimpinan untuk Pemimpin Akademik dan Pentadbir UPSI di bawah inisiatif AKEPT Bidding Project: Capacity Building in Leadership (CAPABLE).

2. Panel Penilai Anugerah Hari Pentadbir Universiti Awam (UA) 2020, Majlis Persatuan Pentadbir IPTA Malaysia (MASTI).

MELATIH GENERASI BAHARU

Menurut Khairul Asyrani, beliau kini sedang meneroka

lebih mendalam dalam bidang Kecerdasan Buatan (AI) kerana ia memiliki beberapa kelebihan penting seperti dapat menganalisis data dalam jumlah besar dengan kecepatan yang jauh melebihi kemampuan manusia. AI juga dapat bekerja tanpa lelah dan memberikan hasil dengan tingkat konsistensi yang tinggi tanpa dipengaruhi faktor seperti keletihan atau emosi. Bagi beliau, AI boleh digunakan secara meluas di perpustakaan seperti untuk pencarian bahan dan sirkulasi. Beliau bersedia melatih generasi baharu bertujuan meningkatkan lagi penggunaan AI di alam pekerjaan.

Baginya, staf perlu berani untuk terima perubahan dan menambah ilmu. "Kita jangan hanya berkerja untuk mendapat duit gaji semata-mata, kena cipta sesuatu yang bermanfaat untuk orang ramai. Apabila kita meninggal nanti pahala itu akan berterusan," tambahnya. Bagi kumpulan pelaksana pun, kena fikir bila bekerja bagaimana ia boleh memudahkan orang untuk mendapatkan ilmu. Bila kita fikir begitu, kita takkan ada keinginan untuk culas atau buat kerja jahat. Fikirkan, apabila seseorang pengguna atau pelajar mudah mendapat buku untuk ilmu, kemudian diamalkan atau diajarkan kepada orang lain, dan orang itu juga membuat perkara yang sama, pahala

akan datang kepada kita mencurah-curah", ujanya penuh semangat.

KENANGAN TIDAK DAPAT DILUPAKAN

Bagi Khairul Asyrani, peristiwa yang sentiasa dalam ingatan ialah ketika beliau menerima Anugerah Emas dalam International Conference and Exposition on Inventions by Institutions of Higher Learning (PECIPTA) pada tahun 2015. Ketika itu isterinya bertugas di luar kawasan dan beliau terpaksa membawa anaknya menaiki komuter ke Kuala Lumpur dari Tanjong Malim bersama dengan bahan-bahan pertandingan inovasi.

Bila diumumkan memenangi Anugerah Emas, beliau terpaksa mendukung anaknya yang berumur empat tahun naik ke pentas. Ini kerana beliau tidak boleh meninggalkan anaknya keseorangan. Di kala itu, beliau menerima tepukan yang paling gemuruh daripada para hadirin. Walaupun dengan

kepayahan tersebut, hatinya puas dan rasa dihargai.

PEGANGAN HIDUP

Khairul Asyrani sentiasa berpegang kepada ungkapan ciptaannya sendiri. "Kalau terfikir sekarang, buat sekarang!" Amalkan dalam kerja ungkap ini, ia boleh selesaikan urusan kerja atau sebarang masalah dengan cepat. Ini kerana kita tidak akan terbawa-bawa beban kerja itu ke masa hadapan yang entah bila hendak disiapkan.

"Sentiasa berubah ke arah kebaikan, cari titik untuk perubahan dengan cepat. Mana-mana perbuatan buruk dari kita kenalah tinggalkan, tapis siap-siap dan pilih yang baik-baik sahaja. Sentiasa fikir apa yang hendak dibuat itu akan mendatangkan pahala kepada kita. Sentiasa berfikir, berucap dan buat perkara yang baik dengan orang kerana kita tidak tahu bila kita akan pergi," ujanya.





Kepimpinan dan Kesukarelawan, Sebati dalam Diri Nur Atiq Balqis



Oleh:
Nurul Hafizan binti Abdul Rahman
nurulhafizan@upsi.edu.my

“Mama, Ayah! Kakak dah dapat ijazah. Terima kasih untuk segalanya”. Itulah ungkapan penuh haru yang disampaikan oleh wakil graduan, Nur Atiq Balqis binti Abdul Samad di Istiadat Konvokesyen ke-26 Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSII) sesi keenam yang berlangsung di Dewan Tuanku Canselor, 28 November lalu.

Apabila diberi peluang untuk menjadi wakil graduan mewakili Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE) berucap sesi keenam merupakan satu impian yang telah lama dipendam olehnya. Impian untuk membawa mama dan ayah duduk sekali di barisan hadapan. Alhamdulillah, Allah SWT telah memakbulkan doa. Nur Atiq terharu apabila adik-adik mengatakan wajah Along terpampang di skrin.

TIDAK MALU GELAR DIRI ‘ANAK ESTET’

Nur Atiq Balqis binti Abdul Samad, tidak malu

menggelarkan dirinya sebagai anak estet, anak kampung kawasan pedalaman di Segamat, Johor. Tinggal di Estet Palong, Ladang Kemedak Segamat yang mana jarak ke pekan Segamat mengambil masa lebih kurang satu jam. Persekitaran perkampungan hanya mempunyai gerai-gerai kecil yang beroperasi di rumah dan kilang-kilang.

Anak sulung daripada lima orang adik beradik yang semuanya perempuan ini merupakan anak kepada pasangan Abdul Samad bin Wagiman dan Azilah binti Salimun. Bapanya merupakan seorang guru Besar di Sekolah Agama Mukim Jabi, Segamat manakala ibu bekerja sebagai kerani am di sebuah kilang sawit. Nur Atiq Balqis merupakan cucu sulung kepada kedua-dua buah keluarga menjadikan beliau seorang anak yang memikul tanggungjawab yang sangat besar untuk menjadi contoh kepada adik-adik dan sepupu-sepupu yang masih kecil.

Saya bukan berasal dari keluarga yang senang, walaupun orang tengok saya sekarang macam senang. Semua itu adalah hasil daripada kerja keras ayah dan mama yang berniaga sejak saya kecil lagi. Di usia empat tahun, saya dan adik kedua akan mengikut ayah menjual penapis air dan pelbagai produk daripada Syarikat Sureco. Selalunya ayah akan pergi dari rumah ke rumah untuk menukar alat penapis air. Selepas itu, pelanggan biasanya akan menambah produk seperti

ubat gigi, sabun, syampu dan lain-lain barang keperluan.

SEJAK KECIL DILATIH BERDIKARI

Sewaktu saya berumur enam tahun pada tahun, ayah dan mama terpilih sebagai jurujual paling tinggi jualan. Alhamdulillah, sejak itu sara hidup banyak membantu. Tetapi pengalaman yang saya lalui masih kekal dalam memori. Sewaktu saya berada di darjah 4, mama yang mempunyai kemahiran menjahit pakaian telah cuba menjahit tudung dan shawl menggunakan kain-kain yang terpilih dan sayalah yang akan menjualnya. Pengalaman ditolak, tawar menawar harga dengan pelanggan dan yang paling penting pengalaman mendapat hasil titik peluh sendiri menjadi pengajaran buat saya. Pada masa itu, saya tidak merasakan kehidupan saya semeriah anak-anak orang lain. Habis waktu persekolahan tadika saya akan terus menyorok di bawah meja guru ayah kerana ayah akan menyambung mengajar pada sesi seterusnya dan tiada siapa yang akan menjaga saya. Persekitaran hidup saya dikelilingi dengan sekolah bersama-sama anak-anak murid ayah.

Saya juga dilatih oleh mama dan ayah sejak dari darjah satu untuk menyiapkan barangan sekolah lebih awal kerana apabila habis sesi persekolahan di sekolah kebangsaan, saya akan terus ke sekolah agama. Saya akan membawa semula kelengkapan untuk siapkan

diri ke sekolah agama. Dari situlah mengajar saya untuk menjadi seorang kanak-kanak yang sangat berdikari, pandai membawa diri ke mana-mana. Namun, saya masih sempat berlari keriang bersama rakan-rakan sepermainan saya. Semua perkara yang dilalui itulah menjadikan seorang Atiqa Balqis yang tidak pernah menyerah kalah, walau apa jua cabaran dan kesedihan melanda, saya pasti akan bangkit untuk membuktikan saya boleh buat.

PENEKANAN PENTINGNYA ILMU

Persekolahan rendah saya bermula di Sekolah Kebangsaan Kemedak satu kelas memuatkan 20 hingga 30 orang pelajar sahaja. Sejak kecil, ayah sangat menekankan pentingnya pendidikan kepada kami. Saya mendapat keputusan 5A di dalam UPSR dan menerima Anugerah Tokoh pelajar cemerlang pada tahun 2012. Semasa peringkat sekolah menengah, awalnya saya mendapat tawaran ke Sekolah Menengah Agama Segamat namun rezeki berpihak kepada saya apabila ditawarkan ke Maktab Rendah Sains Mara (MRSM), Batu Pahat dengan aliran Program IGCSE iaitu sistem pendidikan MRSM yang mengintegrasikan International General Certificate Of Secondary Education (IGCSE). Awal-awal lagi saya telah didedahkan dengan subjek yang agak susah seperti Fizik, Kimia, Biologi dan Matematik Tambahan namun saya hanya lulus, tidak mencapai gred yang cemerlang.

Sewaktu peringkat peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), saya bertungkus lumus belajar

kerana kebanyakan rakan-rakan sangat ke hadapan. Salah satu faktor kemerosotan dalam pelajaran adalah berjauhan dengan keluarga. Sewaktu di MRSM, tidak banyak bidang yang saya ceburi akibat dari kejutan budaya yang saya hadapi, namun saya tetap berusaha untuk mendapat keputusan SPM yang cemerlang dan Alhamdulillah, saya mendapat 4A, 3B dan 2C+ walaupun semasa peperiksaan percubaan saya gagal dalam tiga subjek.

Semasa menunggu tawaran ke universiti, kami sekeluarga menjalankan perusahaan kerepek di rumah selama setahun. Sebagai anak sulung, saya rasa bertanggungjawab untuk menolong ayah membungkus kerepek walaupun hati kecil meronta untuk bekerja seperti rakan-rakan yang lain. Waktu itu kehidupan kami sangat sukar, membina perniagaan kerepek yang dijadikan perniagaan keluarga. Sepanjang jatuh bangun perniagaan, saya sentiasa ada dengan ayah. Alhamdulillah, sewaktu keputusan menyambung pengajian ke universiti, saya mendapat dua tawaran iaitu ke kolej matrikulasi atau pengajian peringkat diploma Keusahawanan di UPSI. Namun saya buntu untuk memilih, kerana sudut pemikiran pada waktu itu diploma adalah untuk mereka yang tidak pandai! Saya akur dengan pilihan saya dan harapan seorang ayah untuk melihat anaknya ke universiti, Diploma Keusahawanan di FPE menjadi pilihan.

MENJADI PERANTAU AJAR ERTI BERDIKARI

Saya tidak pernah merantau ke negeri lain dan berjauhan dengan keluarga. Di UPSI, semuanya berubah! Menjadi anak perantauan yang menjadikan saya lebih berdikari, belajar untuk ambil peluang yang ada. Belajar sambil bekerja separuh masa, belajar cara untuk elak ditipu majikan. Dikurniakan rakan-rakan yang sangat membantu dalam menjalani kehidupan sebagai anak perantau menjadikan saya lebih bersyukur. Dari tidak tahu laluan kenderaan awam, sehinggalah menjadikan kenderaan tersebut sebagai pengangkutan utama. Dengan merantau jugalah saya dikurniakan sahabat baik dari Terengganu, sehingga menyangka saya berasal dari Terengganu!

Saya pernah tiada duit semasa pengajian saya di UPSI. Apa yang saya buat? Saya kutip mana-mana duit syiling untuk makan, saya bukan jenis orang yang suka meminta-minta. Semasa tengah kira duit syiling, perasaan malu menguasai diri namun saya buang jauh-jauh perasaan itu. Hanya nasi bujang untuk hidangan pagi dan malam. Orang tidak tahu, sebab saya suka makan seorang diri kerana memilih 'tiada kawan' bercerita tentang masalah kewangan. Saya memilih untuk diam kerana menganggap ramai lagi yang lebih susah dari saya.

PERMULAAN SEBAGAI BADAN KEPIMPINAN

Saya mendapat peluang dan ruang, bidang kepimpinan dan kesukarelawan yang

sudah menjadi sasaran apabila menyambung pelajaran ke UPSI. Sebelum itu, saya perlu membina 'branding' Nur Atiqa Balqis terlebih dahulu sebelum menyertai MPP. Habis pengajian diploma, satu dunia dilanda wabak Covid-19 menyebabkan pengajian peringkat ijazah tertangguh. Apabila bermula pengajian ijazah dari semester satu sehingga empat, kelas semuanya berjalan di atas talian. Peluang menjalani kelas secara bersemuka selepas itu memberi ruang dan peluang kepada saya untuk aktif dalam semua bidang di peringkat fakulti.

Saya pernah menjadi Exco Rakan MPP di bawah Exco Perhubungan Awam dan Antarabangsa bagi Sidang MPP 2019 dan 2020. Sepanjang saya menjalankan tugas sebagai exco, banyakkah ruang dan peluang yang saya belajar antaranya dapat menjalankan Program Lets Go MUET dan secara tidak langsung telah menarik minat saya dengan melihat cara kepimpinan mereka yang berkeyakinan tinggi. Semasa pengajian peringkat ijazah pula, saya banyak menyertai persatuan dan kelab seperti Persatuan Rakan Siswa UPSI sebagai Bendahari dan Majlis Anak Johor (M@jor) Timbalan Yang Dipertua. Semuanya saya belajar dari bawah, saya tidak menganggap saya mempunyai ilmu yang tinggi. Banyak perkara yang saya pelajari semasa di universiti dan saya anggap itulah permulaan untuk kehidupan saya.

Semua penglibatan ada cabaran yang tersendiri terutama sekali dalam membahagikan masa belajar dan aktiviti. Saya akan membuat senarai semak (*to-*

do-list) pada setiap hari. Bagi saya itu adalah perkara asas yang saya akan buat setiap pagi dengan menyusun jadual mengikut perkara yang paling penting dan boleh diselesaikan dalam masa yang singkat kemudian perkara penting yang perlu diselesaikan dalam tempoh masa yang lama dan seterusnya. Ini membolehkan saya untuk tidak terlepas tarikh-tarikh penting. Dalam pada kita membahagi masa, kita perlu *enjoy* setiap perkara dan kenangan, apabilakita rasa stress, serabut dan bertenang.

Selain itu, saya perlu bersedia menerima teguran dari pihak atasan dan belajar untuk mengejar tahap prestasi terbaik sebagai wakil pelajar. Pengalaman mendewasakan, menjadikan saya perlu bersikap jujur dan berani mengaku salah walau apa jua yang berlaku walau kadang-kadang kebenaran itu menyakitkan. Bagi saya, kita harus mempunyai sikap rendah hati untuk mengakui kesilapan serta cukup bijak untuk mengambil manfaat daripada kegagalan dan cukup berani untuk membetulkan kesilapannya. Jadikan aturan hidup untuk melakukan yang terbaik dalam apa jua yang dilakukan.

BINA NAMA ATAS SOKONGAN

Menjadikan bapa sebagai idola, Nur Atiqa Balqis melihat kepimpinan sebagai satu perkara penting dalam kehidupan. Bantuan dan sokongan padu daripada insan sekeliling memberi peluang kepadanya untuk terus melangkah maju ke hadapan. Saya mendapat sokongan daripada kedua ibu bapa selain ibu saudara yang dipanggil

Mokde, beliau banyak memberi panduan dalam bidang kepimpinan kepada saya kerana beliau pernah aktif semasa di universiti.

Manifesto MPP yang menjadi taruhan saya sewaktu memegang jawatan ialah untuk menyediakan *student lounge* di FPE dan kini kertas cdangan diteruskan oleh sidang MPP terbaharu. Bukan senang untuk menjadi pemimpin, banyak kritikan yang pernah dilemparkan kepada saya. Contohnya, saya pernah dikatakan tidak menjalankan program walhal sudah menjalankan program bersama ahli-ahli yang lain. Namun, ada cara mengatasinya, sekiranya itu adalah salah sendiri maka mengaku sahaja salah. Tetapi, kalau ada perkara yang betul tetapi disalahkan, cukup sekadar diam dan buktikan melalui hasil kerja kita.

PENDEDAHAN AWAL JADIKANNYA PETAH BERUCAP

Saya suka untuk berkongsi. Dari dalam perut mama yang menjadi guru KAFA sebelum mengambil Keputusan untuk berhenti. Saya ikut ayah pergi ceramah-ceramah atas jemputan. Jadi dari situlah, secara tak langsung saya terikut atau melihat contoh di depan mata membentuk sikap saya untuk menjadi berani terutama dalam pengucapan awam. Sikap ayah sendiri yang membantu saya untuk berani melontarkan suara, berani berucap dengan cara yang betul. Ayah saya adalah salah satu *role model* dalam pengucapan awam sepanjang hidup saya. Beliau adalah seorang guru, penceramah bebas dan Naib Kadi Daerah

Segamat.

Semasa di universiti, saya juga mengikuti kelas-kelas pengucapan awam yang percuma anjuran kolej dan universiti. Paling tidak boleh lupa, pengalaman belajar dengan Encik Ahmad Shazwi dan Puan Norshaibah dari Pusat Kaunseling UPSI. Pada masa itu saya perlu mewakili UPSI ke Intervarsity Young Competition sekaligus menambah ilmu saya dalam bidang komunikasi. Selain itu, saya juga mengikuti kelas secara dalam talian, menonton video-video pengucapan awam untuk belajar teknik-teknik yang tepat dalam pengucapan awam. Saya mengambil kira teguran kerana pembelajaran itu menjadikan saya lebih mahir dan petah sehingga ke hari ini.

IMPIAN BUKA PUSAT TUISYEN

Saya menasaskan untuk menamatkan pengajian sebagai seorang MPP. Dalam masa yang sama, saya memang target untuk mendapatkan sekurang-kurangnya satu anugerah walaupun ia bukan satu harapan yang penuh. Namun rezeki berpihak kepada saya apabila saya dianugerahkan Anugerah Khas Kesukarelawan Dato' Sri Abdul Jabbar Ibrahim semasa Istiadat Konvokesyen UPSI ke-26 yang lalu.

Semasa belajar juga saya mengambil peluang untuk mengenali orang-orang hebat di sekeliling saya yang banyak mengajar saya pelbagai kemahiran seperti protokol serta kemahiran menguruskan program dan lain-lain lagi.

Saya telah menyambung keinginan untuk meneroka pelbagai bidang yang

disasarkan seperti dapat menjadi guru ganti di SMK Putrajaya Presint 9 sebagai guru matematik. Kemudian, saya menyambung sebagai *apprentice* di Exco Pertanian dan Industri Asas Tani Luar Bandar Negeri Johor. Saya merasakan kedua-dua bidang tersebut sangat hebat terutama sebagai guru kerana saya tidak pernah berpeluang menjadi guru sebelum ini. Sangat mencabar namun seronok kerana dapat memberi idea kepada kita untuk membuat pelbagai aktiviti lagi-lagi dalam melahirkan Anak Bangsa Johor dan Malaysia. Saya juga berazam untuk mengembangkan perniagaan keluarga dan menjadi guru tuisyen kepada adik-adik sendiri serta membuka kelas tuisyen persendirian untuk membantu anak-anak estet yang memerlukan bantuan. Insyaa-Allah.

PERCAYA SETIAP LANGKAHAN

Saya yakin penglibatan saya dalam semua aktiviti boleh menjadi tauladan dan contoh kepada bukan sahaja mahasiswa, tetapi belia-belia muda termasuklah golongan generasi-Z yang kini kian di arus gelombang kemahiran bukan pendidikan. Bukan mengatakan saya yang terbaik, kita berjaya adalah untuk membuktikan mereka juga mampu berjaya dalam bidang yang mereka ceburi. Saya yakin, penglibatan saya dalam kepimpinan, kesukarelawan dan pengucapan awam sebagai satu semangat kepada anak muda bahawa mereka juga boleh cemerlang. Satu langkah kecil boleh membawa kepada satu impak besar. Kita perlu bersungguh dan jangan malu. Kalau kita

sudah mula, perlu habiskan apa yang kita mulakan. Selain itu, kita perlu bersyukur dalam setiap perkara yang dilalui, yang penting jangan takut untuk spesifik berdoa, doa adalah senjata orang mukmin. Tiada orang boleh Berjaya tanpa usaha, bersabar dalam setiap kesulitan yang kita lalui, mesti ada pelangi yang menyinari.

GELARAN GURU JADI IDAMAN

Dalam tempoh lima tahun saya meletakkan target dalam kehidupan saya. Saya suka mengajar, memberi motivasi dan melakukan aktiviti yang banyak aktiviti. Justeru itu, dalam masa terdekat saya akan menjalani kelas Diploma Lepas Ijazah (DPLI) di Open University Malaysia Cawangan Batu Pahat.

Setelah tamat DPLI saya lebih fokus untuk menjadi guru menengah memandangkan jurusan yang diambil lebih kepada mengajar pelajar peringkat menengah sama ada subjek Matematik, Perniagaan dan Ekonomi. Menjadi guru bukan sahaja datang sekolah mengajar semata-mata, namun perlu menjadi *role-model* kepada pelajar untuk menjadi pelajar cemerlang.

Selain itu, saya menyimpan impian untuk membawa perniagaan kerepek ke peringkat antarabangsa dengan mewujudkan agen-agen di setiap negeri. Dalam masa yang sama, saya ingin memastikan kualiti produk-produk saya lebih baik. Saya juga bercadang untuk membuka perniagaan ini ke satu kawasan yang lebih strategik.

Latar belakang pengajian sangat membantu untuk saya menguruskan perniagaan keluarga. Saya bertanggungjawab mengemaskini dan memantau perniagaan di samping mengambil peluang untuk mana-mana organisasi yang hendak bekerjasama dengan perniagaan saya sekaligus menyokong produk dari negeri Johor.

SUKAKAN AKTIVITI LASAK

Minat utama saya dari dulu hingga kini ialah bersukan seperti bola baling, marathon dan berenang dan sukan lasak. Sejak sekolah menengah, saya menyertai acara rentas desa mewakili sekolah Daerah Batu Pahat.

Saya suka kepada kehijauan alam. Saya cuba benda yang mencabar macam *jungle tracking* dan *hiking* masuk hutan. Cara paling healing adalah dengan berdamai dengan alam dengan proses pendakian sebelum sampai ke puncak itu adalah kenikmatan.

Saya juga gemar melancong dan telah berpeluang ke beberapa negara seperti Arab Saudi, Bangladesh, Thailand, Indonesia dan Uzbekistan. Untuk tahun seterusnya mungkin saya akan menambah senarai negara yang bakal dilawati. Bagi saya, kelebihan melancong dapat menambah minda belajar serta menguji kemampuan diri bertahan di tempat orang.

SOLAT JADI PEGANGAN

Nasihat saya terutama sekali kepada pelajar dan bakal

pelajar, kalian perlu terus mencuba, rehat sekiranya penat dan sambung semula. Mustahil kalau tidak pernah gagal. Kalau gagal bangkit semula. Beritahu pada diri sendiri, aku akan buat dengan lebih baik lagi!

Jangan pernah malu untuk bertanya, walaupun seremeh-remeh soalan. Duit boleh dicari, tetapi pengalaman yang kita lalui dan hadapi hanya kita sendiri yang boleh rasai. Dengan pengalaman itulah kita boleh menghasilkan duit, jadi timbalah pengalaman sebanyak mungkin.

Musuh terbesar dalam diri kita adalah malas. Lawanlah musuh kita ini, kelak makin bertambahlah ilmu dengan cara pemikiran yang lebih meluas. Pengaruh terbesar adalah pengaruh rakan sebaya. Carilah rakan sebaya yang boleh membimbing kita ke arah kebaikan bukan hanya untuk bersuka ria Sahaja. Ingat! Silap pilih kawan boleh rosakkan seribu impian kita.

Ilmu setinggi mana, kalau adab tiada maka ilmu kita akan sia-sia. Jaga adab maka ilmu akan datang dengan mudah. Dengan adab itulah akan mencerminkan ilmu kita yang paling tinggi. Dalam

menghadapi kehidupan sebagai seorang pelajar, banyak perkara yang meminta kita untuk memaafkan. Memaafkan bukan tanda kita kalah, tetapi tanda kita menang dalam mengang prinsip sebagai manusia yang menjalankan ibadah.

Kejayaan kita diiringi banyak doa terutamanya doa daripada kedua ibu bapa. Maka berbaktilah sebanyak mungkin kepada mereka. Buatlah 1001 kebaikan, jangan lupakan solat lima waktu yang menjadi pegangan utama. Insha-Allah tujuan dan matlamat akan berjalan seiringan.

PERANCANGAN MASA HADAPAN

Siapa yang tidak mahu berbakti semula di tempat menimba ilmu, terutama di FPE. Sekiranya diizinkan, saya berhasrat berkolaborasi dengan mengadakan beberapa program yang melibatkan anak-anak estet dalam memberi impak yang meluas kepada komuniti terutamanya dalam kalangan belia. Alhamdulillah, saya berjaya membawa dua orang mahasiswa dari keluarga estet Segamat sebagai Anak Kandung Suluh Budiman iaitu adik saya sendiri dan adik saudara saya.



JOM BERKEJAH @ ETAMAN DUSUN STAY

Welcome To Our Happy Place

**BOOK
NOW!**

MORE INFO

☎ 0192465024 - Eta
0192465023 - Man

🌐 Tiktok: @etamandusunstay
Facebook: etamandusunstay

CHALET



SWIMMING POOL



CAMPING SITE



MINI GAZEBO



GAZEBO



KV 283

Etaman Dusun Stay, Tanjong Malim: Dari Gerai ke Chalet



Oleh:
Mohd Razalli bin Ahmad
Termizi
razalli@upsi.edu.my

PENGENALAN

Etaman Dusun Stay merupakan satu lokasi perkelahan dalam dusun tepi sungai yang unik di Tanjong Malim. Pelbagai aktiviti boleh diadakan di sini seperti berkelah, jamuan BBQ, jamuan harijadi, hari keluarga, berkhemah dan lain-lain. Daya tarikan di sini ialah mini kolam renang chalet, gazebo dan tapak perkhemahan serta kemudahan tempat letak kereta, sewa pelampung, surau, bilik mandi dan tandas untuk pengunjung. Ia terletak di Kampung Simpang 4 Dalam, Tanjong Malim. Ia mula beroperasi pada Januari 2021 dan mendapat sambutan ramai.

Etaman Dusun Stay yang diusahakan oleh pasangan suami isteri, Encik Kamarozaman bin Yunus (Abang Man) dan Hanita binti Idris (Kak Eta) merupakan dua figura yang sangat dikenali oleh kebanyakan daripada masyarakat Tanjong Malim. Mereka merupakan pengusaha Gerai Juita selama 30 tahun daripada era gerai di hadapan pejabat Telekom Tanjong Malim ke Medan Selera Tanjong Malim. Selepas wabak COVID-19 melanda, mereka mengambil keputusan nekad untuk berhenti mengusahakan gerai makanan. Selepas bosan berehat di rumah, timbul idea untuk mengusahakan dusun. Jesteru itu, Abang Man memohon kebenaran untuk mengusahakan tanah kepunyaan abang Kak Eta di Simpang Empat. Pada masa itu, tanah berkeluasan 1 ekar yang masih berhutan. Selepas dibersihkan, Abang Man dan Kak Eta mula menanam pelbagai pokok buah-buahan seperti rambutan dan durian.

DARIPADA DUSUN KE TEMPAT PERKELAHAN

Pada mulanya, Abang Man membina sebuah gazebo untuk tempat berteduh selepas penat berkebun. Selepas itu, menambah tiga gazebo lagi untuk

memenuhi keperluan keluarga mereka berehat. Selepas kelonggaran Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), ada permintaan daripada orang luar untuk berkelah dan menyewa gazebo. Pada masa tersebut, caj gazebo adalah sebanyak RM30.00. Selepas itu, mendapat sambutan sangat menggalakkan sehingga empat gazebo tidak mencukupi. Kini, terdapat 11 buah gazebo dengan bayaran dari RM50- RM70.

Mengenai chalet pula, pada mulanya pada tahun 2020 satu chalet dibina untuk Abang Man dan Kak Eta berteduh. Selepas ada permintaan untuk bermalam daripada pengunjung dengan alasan untuk merasa bermalam di dalam dusun. Selepas itu, satu lagi chalet dibina. Oleh kerana permintaan yang sangat menggalakkan, lima buah lagi chalet dibina. Selepas itu, pasangan suami isteri ini tidak menoleh ke belakang lagi kerana menyedari peluang perniagaan terbuka luas di depan mata. Maka, mereka terus serius menjadi pengusaha chalet dan tempat perkelahan.

Akhirnya, banyak pokok buah-buahan terpaksa ditebang. Kini, hanya tinggal lima batang pokok durian dan lima batang pokok



rambutan. Atas permintaan ramai juga, mini kolam, surau dan tapak perkhemahan juga dibina dan disediakan. Maka pada Januari 2021, tempat perkelahan ini dimasyhurkan sebagai Etaman Dusun Bay. Etaman merupakan gabungan nama Eta dan Man juga bermaksud "Eta tetap menyayangi anak-anaknya."

KELANGSUNGAN ETAMAN DUSUN BAY

Perbelanjaan membina tempat perkelahan ini adalah atas perbelanjaan sendiri hasil simpanan semasa berniaga gerai dahulu. Semangat mengusahakan

Etaman Dusun Bay ini semakin bersemarak kerana perkhidmatan mereka sering mendapat pujian dari pengunjung luar dan tempatan. Mereka berpandangan tempat ini amat sesuai untuk seisi

keluarga berehat dan beriadah. Abang Man yang berasal dari Tapah, Perak dan Kak Eta yang berasal dari Simpang 4, Tanjong Malim ini mempunyai empat orang anak (dua lelaki dan dua perempuan) kini menetap di Taman Segar, Tanjong Malim. Mereka tidak mempunyai pekerja tetap dan hanya dibantu oleh anak-anak mereka yang mempunyai minat serta kecenderungan dalam perniagaan chalet berbanding semasa mereka berniaga makanan dahulu. Anak-anak banyak membantu dari segi promosi dan hiasan dalaman Etaman Dusun Bay.

Pada masa ini, Etaman Dusun Bay ada menerima permintaan daripada organisasi untuk mengadakan kursus dan hari keluarga tetapi masih tidak mampu kerana masalah ruang. Kak Eta sedang berusaha mendapatkan tanah kosong di sebelah Etaman Dusun Bay yang juga kepunyaan keluarga Kak Eta.



RAHSIA MENIAGA DAN PERANCANGAN MASA DEPAN

Kak Eta mengakui selama ini dua perniagaan yang diusahakan sangat berjaya. Ini adalah berkat anugerah Allah SWT. Beliau sering mementingkan keikhlasan hati dalam setiap urusan perniagaan dan tidak mengejar keuntungan semata-mata. Tujuan berniaga yang diamalkan sejak di gerai dulu ialah untuk beri semua pelanggan gembira dan berpuas hati. Oleh itu, beliau sering bertolak ansur dalam setiap perkara, jangan sombong dan sentiasa merendah diri.

Pasangan berjaya ini juga tidak menolak kemungkinan satu masa nanti perniagaan ini akan diambil alih oleh anak-anak mereka. Mereka juga berharap pada masa tersebut pengurusan perniagaan menjadi lebih efektif dengan menggunakan media sosial secara aktif dan sistem pendaftaran atas talian.

Menurut Datuk Wira Dr. Azizan Osman dipetik daripada artikel “10 tip penting bina bisnes berjaya”, Berita Harian 19 Februari 2021, letakkan diri anda sebagai pelanggan dalam

setiap keputusan yang dibuat serta pastikan pelanggan menerima perkhidmatan terbaik dan keperluan mereka diutamakan.



Sejarah Asal Kampung Kubu, Tanjong Malim



Oleh
YM Dr. Raja Ahmad Shalaby
bin Raja Hassan
shalaby@upsi.edu.my

Tanjong Malim merupakan sebuah pekan yang terletak di selatan negeri Perak Darul Ridzuan. Pekan ini bersempadan dengan negeri Selangor Darul Ehsan dan bersempadan topografi dengan negeri Pahang Darul Makmur. Nama Tanjong Malim ini asalnya bermula daripada sebuah tanjung iaitu kawasan tanah yang wujud daripada hakisan sungai yang menganjur ke laut. Nama 'Tanjong Malim' dieja dengan huruf "o" bukan "u" mengikot nama rasminya dengan mengekalkan sistem ejaan lama, kerana nama khas seperti nama orang atau nama tempat tidak berubah dalam Sistem Ejaan Rumi Baharu 1972.

Mengikut buku Riwayat Tanjong Malim yang ditulis oleh Zainal Abidin bin Daud, terbitan Persatuan Penulis dan Sastera Batang Padang (PEDANG) pada 1979. Beliau merupakan lulusan Sultan Idris Training College (SITC) pada tahun 1929. Menurut beliau, Tanjong Malim asal namanya ialah Tanjong Jambu. Setelah 80 tahun Tanjong Jambu dibuka, iaitu kira-kira dalam tahun 1790-an, seorang ketuanya dikatakan bergelar "Menteri." Kemudian dibuka pula Kampung Kubu, menggunakan nama sempena kubu yang dibina untuk pertahanan dari serangan musuh dalam peperangan saudara tahun 1870-an.

Dalam tahun 1876, kedua-dua tempat ini disatukan menjadi satu kawasan besar, lalu dinamakan "Tanjong Malim." Orang yang bertanggungjawab menyatukan kawasan ini ialah Raja Itam yang menjadi ketua Sabak Bernam. Penyatuan ini dipersetujui oleh Tuan List (yang dikenali juga sebagai Tuan Collector) iaitu wakil kerajaan British di Teluk Kuwali.

Pada ketika itu berlaku pergolakan

masyarakat dan perang saudara di tanah air kita iaitu sejak zaman kejatuhan kerajaan Melayu Melaka tahun 1511 ke zaman Portugis Melaka dari tahun 1511 hingga 1641. Kemudian pada zaman Belanda dari tahun 1641 hingga 1795. Pada hujung zaman penjajahan Belanda inilah, enam orang pahlawan Bugis dari Kuala Selangor terkepung di Kuala Bernam setelah disekat oleh kapal perang Belanda yang tidak membenarkan mereka membantu peperangan yang sedang berlaku di Kuala Perak.

Bila pasukan pahlawan Bugis ini disekat, maka terjadilah pertempuran yang sangat hebat. Akhirnya pasukan pahlawan Bugis itu tewas dan saki baki daripada mereka terpaksa melarikan diri ke Pahang, dan ada yang kembali ke Kuala Selangor. Dalam kalangan mereka ada yang tersesat lalu mudik di Sungai Bernam hingga ke Sungai Ingkeh. Mereka inilah yang menyusup lalu membuka Tanjong Jambu, kemudiannya disebut "Kampung Jambu" dianggarkan dalam tahun 1790. Kawasan asal kampung itu terletak di belakang panggung wayang lama "REGAL" sekarang. Ketua pemerintahannya bergelar "Menteri". Peninggalan kubur-kubur pembukanya boleh dilihat di Tanah Perkuburan Islam Cabang, Tanjong Malim.

Pada sekitar tahun 1870, berlakunya perang saudara yang besar di negeri Pahang di antara dua orang anak Bendahara Pahang yang bernama Wan Ahmad dan Wan Mutahir. Disebabkan itu, Dato' Haji Mustapha bin Raja Kamala yang merupakan pengikut Tok Gajah@ Imam Perang Rasu dan beliau juga salah seorang di antara ketua kaum Rao di Gali, Raub telah membawa pengikutnya yang terdiri daripada orang Rao berhijrah ke Tanjong Malim.

Dikatakan bahawa Dato' Haji Mustapha mewakili orang Rao di Gali, memohon keampunan daripada Bendahara Wan Ahmad

kerana Rao sama Rao berperang di Pahang. Disebabkan rasa malu beliau kepada Tok Gajah jugalah beliau mengambil keputusan untuk membawa semua pengikutnya untuk berpindah ke Tanjong Malim. Dato' Haji Mustapha pernah memerintahkan anak buahnya iaitu Panglima Kanan untuk mengambil adik sepupunya yang masih berada di Nagari Kota Raja, Rao iaitu Hajah Rahmah binti Haji Siun untuk dibawa ke Bernam atau Tanjong Malim.



Panglima Kanan kemudiannya berkahwin dengan Hajah Rahmah. Oleh kerana Panglima Kanan pada asalnya telah berkahwin dengan orang yang berasal dari Kampung Simpang Empat Tanjong Malim, Hajah Rahmah telah membuat keputusan untuk tidak mahu dimadukan. Disebabkan peristiwa itu, berlaku pergolakan keluarga. Panglima Kanan pun kemudiannya menceraikan isteri tuanya dengan alasan tiada mempunyai zuriat sepanjang bersamanya.

Oleh yang demikian, Dato' Haji Mustapha memerintahkan supaya Panglima Kanan berhijrah ke seberang Sungai Bernam di mana Panglima Kanan membuka kawasan Kalumpang pada tahun 1880. Nama Kalumpang ini diambil sempena nama sebatang pokok yang dikenali sebagai pokok Kelumpang. Di kawasan itulah Panglima Kanan mendirikan penempatan bersama pengikutnya di tempat yang dipanggil sebagai

pekan Kalumpang sekarang ini. Pada masa itu juga kawasan Bernam atau Tanjong Malim masih berada di bawah pemerintahan Selangor.

Dato' Haji Mustapha dilantik sebagai Penghulu Bernam atau Tanjong Malim yang pertama dan Panglima Kanan pula dilantik menjadi pembantu Penghulu Bernam. Kalumpang pada masa itu adalah di bawah pentadbiran Tanjong Malim juga, dan inilah perkaitan di antara Tanjong Malim dan Kalumpang pada zaman tersebut.

Apabila sempadan negeri Perak dan Selangor ditetapkan dengan mengikut aliran Sungai Bernam, Tanjong Malim secara rasmi berada dalam pemerintahan negeri Perak dan Kalumpang pula berada di bawah pemerintahan Selangor sehinggalah ke hari ini.

Zaman pemerintahan "menteri" di Tanjong Malim dapat dikesan sehingga lima keturunan iaitu dari Dato' Menteri Jamilin, Dato' Menteri Katib, Dato' Menteri Doba, Dato' Menteri Amin dan akhir sekali Dato' Menteri Mat Taya. Menteri-menteri yang terdahulu daripada menteri-menteri yang tersebut tidaklah diketahui. Masa pemerintahan menteri itu dianggarkan selama 80 tahun. Ketika era pemerintahan British, gelaran itu diubah dan dikenali sebagai Dato' Penghulu.

Kedatangan angkatan Dato' Haji Mustapha ini lalu disambut oleh puak Bugis di Kampung Jambu kemudiannya berikrar bersatu-padu dan saling bekerjasama. Penduduk kampung kemudian mengangkat Dato' Haji Mustapha menjadi ketua bergelar "Dato' Penghulu Haji Mustapha" menjadi wakil pemerintah dan pemungut cukai-cukai perahu, bijih timah dan seumpamanya di Ulu Bernam bahagian Perak dan Engku Syed Bakar sepupu Engku Syed Mansur di Hulu Selangor tinggal di Kerling di bawah jagaan Tuan List. Setelah lama berkuasa Tuan List diganti pula oleh Tuan Showyer

sebagai "collector" pada masa itu, pejabatnya di Teluk Kuwali yang terletak di antara Sepong dengan Sabak Bernam.

Penduduk kampung bersama-sama membuat kubu pertahanan yang besar lagi kukuh di tepi Sungai Bernam dan seberang Kampung Jambu. Kubu-kubu diatur berjarak suku batu ke hadapan sampai ke Kalumpang, Kampung Gumut dan sempadan Kerling. Kubu besar pertahanan inilah akhirnya menjadi "Kampung Kubu". Pada mulanya ia amat strategik dan berguna sebagai tempat perlindungan bagi kanak-kanak dan orang perempuan serta alat-alatan bekalan makanan dan bahan-bahan senjata.

Belum sampai setahun Kampung Kubu ini dibuka dalam tahun 1871, datanglah angkatan anak Bendahara Pahang lalu melanggar Kampung Kubu kerana menuntut malu, tetapi dapat dikalahkan oleh anak buah Dato' Haji Mustapha. Tidak berapa lama kemudian kampung ini diserang pula oleh pasukan Syed Mansur dari Kuala Kubu tetapi dapat dipatahkan juga. Ini kerana kubu yang dibina amat kukuh dan strategik.

Pada tahun 1876, Raja Itam yang menjadi Ketua Sabak Bernam bersama-sama Tuan List Wakil Kerajaan Inggeris di Teluk Kuwali hendak ke Kampung Kubu, lalu singgah di hujung sebuah tanjung. Pasirnya putih selari ke arah Sungai Bernam. Di situ terdiri sebuah madrasah tempat belajar agama Islam, bagi orang lelaki dan perempuan. Pada setiap waktu didirikan sembahyang fardu bagi penduduk setempat. Lokasinya di tapak madrasah yang dikatakan betul-betul di kedai pertama pekan baharu Tanjong Malim yang siap dibangunkan tahun 1974 bersebelahan dengan jambatan Hulu Bernam ke Tanjong Malim.

Setelah naik ke darat itulah, Tuan List melihat ramai orang sedang bersembahyang. Setelah selesai mereka sembahyang, Tuan List datang mendekati penduduk yang

ramai baru keluar dari madrasah untuk berbual-bual. Dalam masa berbual-bual itulah keluar suatu perkataan dari Tuan List yang berkata, "saya hairan melihat tuan-tuan di sini, sangat alim-alim semuanya, serta taat kepada ajaran agama. Oleh itu saya sangat suka, itu pun jika tuan-tuan bersetuju, kita berilah nama tempat ini "Tanjong Malim". Maka daripada masa inilah asalnya terbit nama Tanjong Malim hingga kekal sampai sekarang.

Nama Tanjong Malim sangat megah dan terkenal di seluruh Malaya. Megahnya kerana ia menjadi tempat pilihan untuk mendirikan sebuah maktab perguruan Melayu yang mengambil pelajarannya dari serata pelusok negara dan di Nusantara. Apakah sebabnya pekan ini begitu terkenal hingga ada sesetengah pelawat jadi hairan. Kalau diilihat pekan Tanjong Malim ini hanya sebagai sebuah pekan yang sederhana saja, pada hal kalau dibandingkan dengan namanya yang begitulah, sudah tentu tidak berpadanan dengan pembangunannya.

Sehingga, pada suatu masa Tuan Parada Harahab, seorang penulis Indonesia yang terkenal, apabila melakukan lawatannya dari Betawi (Jakarta) ke Semenanjung, beliau menulis di dalam buku karangannya Dari Pantai ka Pantai, ada menyebut bahawa ia amat pelik sebab tidak menyangka Sultan Idris Training College (SITC) berada di Tanjong Malim, walhal ia telah terkepong oleh sebab air bah pada tahun 1926 di Stesen Keretapi Tanjong Malim sehari semalam.

Melalui tulisan ini dapatlah diketahui bahawa kemasyhuran Tanjong Malim ini disebabkan keberadaan SITC, iaitu sebuah Maktab Perguruan Melayu yang terbesar sekali dalam Malaya dan jajahan British di Alam Melayu. Kini SITC telah berkembang menjadi sebuah universiti pendidikan yang tersohor diberi nama Universiti Pendidikan Sultan Idris.



Prof. Dr. Ishak Saat: Pemenang Utama Kategori Penulis Prolifik Terbaik 2023



Oleh:
Mohd Razalli bin Ahmad
Termizi
razalli@upsi.edu.my

PENGENALAN

Prof. Dr. Ishak Saat merupakan anak kelahiran Sitiawan, Perak dilahirkan pada 30 November 1964. Beliau adalah seorang pendidik yang berpengalaman luas dan telah berkecimpung dalam bidang pendidikan melebihi 20 tahun, khususnya dalam Pengajian Melayu dan Sejarah sejak 1988 sehingga sekarang. Beliau memperoleh Sijil Perguruan Asas (1985- 1987) di Institut Bahasa, Pantai Dalam, Kuala Lumpur. Kemudian memperoleh Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Sejarah dan Sains Politik daripada Universiti Sains Malaysia (USM)

pada 1999- 2002. Beliau seterusnya melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana (bidang Sejarah Malaysia) di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 2002- 2003 dan peringkat Doktor Falsafah (PhD) di Universiti Sains Malaysia (USM) pada 2004- 2007.

Prof. Ishak memulakan kerjaya sebagai seorang guru pada 1988. Bermula di SMK Methodist, Tanjong Malim sehingga 1992, kemudian di SMK Seri Tapah, Tapah (1992- 1994), berpindah ke SMK Tok Perdana, Sitiawan (1994-1997) dan SMK Methodist (ACS), Sitiawan (1997- 2002).

Seterusnya, Prof. Ishak pernah bertugas sebagai pensyarah di Jabatan Kajian Sosial, Institut Pendidikan Guru (IPG) Tuanku Bainun, Bukit Mertajam (2003- 2008), menjadi pensyarah sambil di Universiti Teknologi Mara (UiTM), Bandar Baru Manjong dan UiTM, Bandar

Baru Seri Iskandar (1999- 2003). pensyarah kanan di Pusat Pengajian Jarak Jauh (PJJ), Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang (2004- 2007), Open University Malaysia (OUM), Pulau Pinang (2004- 2010), pensyarah kanan di USM, Pulau Pinang (2008-2010) serta akhir sekali Profesor Madya dan Profesor di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) (2010- /2024). Di UPSI, pernah menjawat jawatan Pengarah Muzium Pendidikan Nasional (2010- 2012) serta bertanggungjawab dan membangunkan Muzium Pendidikan Nasional (MPN), UPSI.

Antara judul buku-buku karya beliau adalah:
Sejarah Sosial Masyarakat (2005);

1. Sejarah Sosial Masyarakat (2005)
2. Ilmu Sejarah: antara Tradisi dan Moden (2006);
3. Kajian Sosial untuk PPISMP (2007);
4. Tinta Ilmu (Peyelenggara) (2007);
5. Sejarah Politik Melayu: Pelbagai Aliran (2007);
6. Radikalisme Melayu dari Perak 1945-1970 : Kebangkitan Rakyat, Pemikiran, Sumbangan dan Pengorbanan (2007);
7. Sejarah Perguruan di Malaysia (2008);
8. 60 Tahun Perjalanan Majlis Belia Negeri Pulau Pinang (2008);
9. Pendidikan Negara Bangsa Malaysia (2009);
10. 50 Tahun Pendidikan Islam di Malaysia (2009);
11. Malaysia 1945- 2000 (2009);
12. Penulisan Sejarah (2010);

13. Madrasah Idrisiah Bukit Chandan 1922-2000: Sumbangan dan Kejayaan (2010);
 14. Warisan Melayu Perak (2010);
 15. Isu- isu Terpilih dalam Politik dan Perjuangan (2010);
 16. Wanita dan Perjuangan (2011);
 17. Isu- isu Terpilih Sejarah Alam Melayu: Sumbangsih kepada Prof. Madya Dr. Haji Ahmad Jelani Halimi (2011);
 18. Politik dan Masyarakat Melayu Perak (2012);
 19. Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) 1971- 2004 (2014);
 20. Warisan Kepimpinan dan Ketuanan Melayu 1945- 2013 (2016);
 21. Keganasan Komunis dan Kesannya pada Zaman Darurat 1948- 1960 di Daerah Hulu Langat, Selangor (2017);
 22. Ulama dan Politik Kedah 1842-1960 (2018);
 23. Sejarah dan Rencam Warisan Alam Melayu (2019);
 24. Kaum Muda di Tanah Melayu 1906-1967 (2020);
 25. Pasukan F PDRM vs Komunis di Malaysia 1971-1990 (2021);
 26. 15 Tokoh Pejuang Kemerdekaan dari Perak (2022);
 27. Tun Mahathir Mohamad: Kuasa dan Krisis Kehakiman 1981-1988 (2023);
 28. SITC dalam Perjuangan Kemerdekaan: Pencetus Kebangkitan Rakyat (2023).
1. New Economic Policy on Economic Improvement Tragedy to Bumiputera after 13 of May 1969. Perspektif Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan, 6(3), 138–151.
 2. Saadon, R., Ariffin, K., & Saat, I. (2016). Perkembangan Pendidikan Orang Melayu di Malaya sebelum kemunculan Western-Type-Education: The Educational Development of the Malays in Malaya before the Emergence of Western-Type-Education. Perspektif Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan, 8(2), 79–96.
 3. Ishak Saat, (2010) Caturan politik pelbagai kaum di Tanah Melayu 1946-1957. Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies, 37 . pp. 68-85.
 4. Saat, I. (2014). Tun Abdul Razak Hussein: Survival Politik Melayu 1963–1976: Tun Abdul Razak Hussein: Malay Political Survival, 1963–1976. Perspektif Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan, 6(3), 122–137.
 5. Ramlee, S. R., & Saat, I. (2023). Impak Kedatangan Kuasa Kolonial Barat terhadap Geopolitik Malaysia dari Abad ke-15 hingga Abad ke-20. Perspektif Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan, 15, 93–105.

Antara artikel- artikel beliau sebagai penulis tunggal dan bersama adalah seperti berikut:

1. Mamat, M. A. A., Saat, I., & Ariffin, K. (2014). Impak Dasar Ekonomi Baru ke atas Peningkatan Ekonomi Bumiputera selepas Tragedi 13 Mei 1969: The Impact of

Pada tanggal 30 November 2024, Prof. Dr. Ishak bin Saat, Profesor Universiti Khas C VK7 di Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan (FSK) telah bersara wajib. Sesi temubual tertutup, saya dan UPSI: Pengkisahan pengalaman kerja di UPSI anjuran Perpustakaan Tuanku Bainun, UPSI bersama beliau telah diadakan pada 18 Disember 2024. Topik perbincangan

berkisar mengenai pemilihan UPSI sebagai tempat kerjaya, kejayaan dan cabaran, nasihat serta perancangan selepas bersara.

UPSI SEBAGAI TEMPAT KERJAYA

Prof. Dr. Ishak tidak menolak salah satu faktor memilih UPSI sebagai tempat bekerja ialah geografi di samping daerah Muallim sangat dekat di hatinya. Keputusan dibuat selepas berbincang dengan keluarga dan tambahan pula isterinya pula berasal dari Tapah. Beliau juga mempunyai naluri yang kuat untuk kembali bertugas di Tanjong Malim. Ia kerana semasa mengajar di SMK Methodist beliau sangat rapat dengan masyarakat dan dikenali sebagai Cikgu Ishak. Antara anak murid beliau yang masih berkhidmat di UPSI ialah Encik Nur Azlan bin Haji Zainuddin, Fakulti Seni Kelestarian dan Industri Kreatif (FSKIK) dan Puan Nora binti Jamaharee, Perpustakaan Tuanku Bainun (PTB).

Di samping itu juga, suasana kerja di UPSI dekat dengan bidang pendidikan guru. Prof. Ishak menyatakan semangat guru masih kuat dalam dirinya dan serius untuk melahirkan guru-guru yang berkualiti. Semasa itu, ketua Jabatan Sejarah ialah Dr. Ahmad Zainuddin juga menggalakkan kehadiran beliau di Fakulti Sains Kemanusiaan (FSK). Beliau mengakui seronok bekerja di UPSI. Beliau berpandangan guru sepatutnya mendidik, membentuk naluri keinsanan dan keperibadian murid-muridnya. Walaupun terasa kehilangan peranan tersebut apabila meninggalkan

sekolah tetapi di UPSI, beliau berperanan mendidik, membentuk dan melahirkan guru mempunyai nilai-nilai tersebut.

Oleh itu, Prof. Ishak sangat tegas dengan penilaian latihan praktikal para pelajarnya di sekolah. Beliau sering mengingatkan mereka perlu berperanan sebagai duta UPSI. Mereka juga selalu dibandingkan dengan pelajar-pelajar IPG dan universiti lain. Prof. mengenalpasti salah satu kelemahan pelajar UPSI ialah mereka sering bergaul dengan rakan-rakan sepelatih mereka sahaja. Mereka sepatutnya lebih banyak bergaul dengan guru-guru yang lain. Prof. menegaskan pembelajaran sebagai seorang bakal guru bukan sahaja sekadar teori sahaja tetapi ia perlu dipelajari secara praktikal semasa di sekolah.

Prof. Ishak juga bersetuju dengan pandangan beberapa pihak sekolah bahawa pelajar-pelajar IPG lebih berkualiti dari segi pendekatan pengajaran dan pembelajaran kepada murid. Beliau yang pernah menjadi pensyarah di IPG, berpendapat situasi ini berlaku kerana di IPG mempunyai sistem mentor-mentee antara pensyarah dan pelajar. Sistem ini melibatkan 20 orang pelajar dan pertemuan 2 minggu sekali di luar masa kuliah. Perbincangan mentor-mentee lebih berkisar dalam memperbaiki dan memantapkan lagi kemahiran pengajaran dan pembelajaran. Di UPSI, sistem mentor-mentee berjalan tetapi lebih kepada penasihat akademik sahaja. Ia hanya berfokus kepada masalah pembelajaran pelajar, pengguguran matapelajaran dan penambahan jam kredit.

Di UPSI juga, Prof. Ishak boleh menjalankan usaha secara spesifiknya untuk melahirkan para guru sejarah yang terbaik. Dalam mencapai hasrat untuk menjadikan pengajaran dan pembelajaran subjek sejarah sangat menarik di sekolah, beliau perlu melahirkan bakal guru Sejarah ini menggemari dan menghayati subjek Sejarah itu sendiri. Oleh itu, Prof. Ishak mewajibkan para pelajarnya mengadakan persembahan dalam kelasnya seperti pementasan, puisi, pentomin dan sebagainya. Aktiviti ini akan diberikan permarkahan. Secara tidak langsung, Prof. mendidik pelajar-pelajarnya menjadi kreatif dan sentiasa mencuba pendekatan baharu dalam pengajaran dan pembelajaran subjek Sejarah.

KEJAYAAN DAN CABARAN DI UPSI

Kejayaan terkini dan paling manis di UPSI ialah pada 18 Disember 2024, Prof. Dr. Ishak Saat telah dinobatkan sebagai pemenang utama Kategori Penulis Prolifik 2023 dalam Majlis Anugerah MAPIM-KPT kali ke-15 2022/2023 bertempat di Dewan Za'ba, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Putrajaya. Kejayaan ini amat manis dan bermakna selepas beberapa kali hanya di peringkat percalonan sahaja. Ini juga merupakan kejayaan yang pertama untuk UPSI.

Sepanjang di UPSI, Prof. Ishak telah berjaya melahirkan 11 orang pelajar di peringkat Doktor Falsafah (PhD). Ada antara pelajar-pelajarnya menjadi pensyarah dan pengarah IPG, pensyarah universiti di Medan, Indonesia serta ada juga berjaya dibimbing menjadi penulis

melalui hasil tesis PhD mereka dan Prof. akan menjadi penulis yang kedua.

Beliau juga merupakan ahli jawatan kuasa (AJK) pakar rujuk buku teks sejarah di sekolah peringkat kebangsaan pada 2017 dan sebagai pengerusi pada 2024 sehingga bersara. Beliau menekankan pensyarah sepatutnya menjadi rujukan masyarakat. Beliau pernah dilantik menjadi Pengarah Muzium Pendidikan Nasional (MPN) ke-4 pada 2011. Pada masa tersebut MPN sedang dibangunkan. Prof. Ishak mempunyai KPI untuk setiap tahun menyiapkan dua buah buku setahun. Semasa menjadi Pengarah MPN, beliau hanya mampu menyiapkan sebuah buku sahaja. Prof membina kerjaya dengan aktif menulis buku. Walaupun, beliau tidak pernah memegang jawatan pentadbiran seperti ketua jabatan dan dekan, Prof. berjaya membuktikan prestasi dengan menulis sebanyak 50 judul buku. Antara buku yang boleh dibanggakan ialah "SITC dalam Perjuangan Kemerdekaan: Pencetus Kebangkitan Rakyat" yang memaparkan 25 orang tokoh-tokoh Sultan Idris Teaching College (SITC).

PENULIS BUKU SEJARAH

Prof. Ishak mula menulis sejak di maktab perguruan lagi tetapi mula aktif semasa melanjutkan pelajaran di peringkat sarjana. Selain daripada menulis buku, beliau juga pernah mengarang puisi sejarah. Beliau menulis dengan niat menyampaikan dan menyebarkan ilmu sejarah kepada masyarakat. Pada 2005, beliau telah menerbitkan buku sulung iaitu Sejarah Sosial Masyarakat yang merupakan kompilasi artikel-artikel beliau

semasa belajar di peringkat sarjana. Beliau sangat komited dengan prinsip “genggam bara api biar sampai jadi arang” dan “membujur lalu melintang patah”. Beliau menegaskan masalah tidak akan selesai jika hanya mengeluh sahaja. Prof. Ishak mempunyai lapan orang anak. Anak-anaknya lebih ramai dalam bidang agama sering membantu beliau dalam merujuk bahan-bahan bacaan dalam tulisan Jawi. Prof. banyak merujuk bahan-bahan primer (sumber utama). Menulis adalah minatnya yang sangat mendalam. Beliau sentiasa memperbaiki kualiti penulisan dari masa ke semasa. Genre buku sejarah kegemaran Prof. ialah mengenai politik orang-orang Melayu. Pendekatan beliau dalam mempelbagai judul-judul buku ialah menyentuh sepintas lalu mengenai satu-satu tokoh atau satu topik. Ia akan disentuh secara spesifik dalam buku yang lain. Contohnya, beliau pernah menceritakan mengenai Madrasah Idrisiah dalam buku *Radikalisme Melayu Perak* (2007). Selanjutnya, beliau melahirkan buku *Madrasah Idrisiah Bukit Chandan 1922-2000* (2010).

NASIHAT DAN HARAPAN

Pada pandangan Prof. Ishak, PhD adalah pintu sahaja. Seseorang pensyarah wajib melahirkan penulisan sama ada artikel atau pun buku. Ia amat penting dalam memastikan pensyarah layak menerima pengiktirafan. Bagi beliau, sepanjang perkhidmatan bermula sebagai guru dan pensyarah sepanjang 36 tahun (1988-2024) sudah boleh dibanggakan dengan pencapaiannya menghasilkan

50 judul buku dan artikel-artikel dalam jurnal berwasit. (*scholarly journal*).

Prof. juga berpendapat seseorang pensyarah di UPSI yang akan melahirkan seorang guru atau pendidik perlu ada pengalaman kerjaya sebagai seorang guru. Atas faktor tersebut, beliau sangat menyokong langkah UPSI mewajibkan setiap pensyarah baharu perlu menjalani penempatan di sekolah selama tiga bulan. Pensyarah yang pernah menjadi guru mempunyai hubungan yang rapat dengan para pelajar. Nasihat ikhlas daripada beliau kepada pensyarah “kejarlah sampai ke puncak tetapi bila sampai ke puncak tengoklah orang-orang di bawah.”

Harapan beliau kepada UPSI ialah penulisan buku dijadikan sebagai kayu pengukur prestasi terhadap para pensyarah. Seseorang pensyarah perlu menjadikan penulisan sebagai satu keutamaan dalam kerjaya mereka.

PERANCANGAN MASA DEPAN

Bagi Prof. Ishak, tiada istilah persaraan dalam penulisan. Beliau akan meneruskan menghasilkan buku terutama bekerjasama dengan pelajar-pelajar PhD. Kini, beliau sedang mengusahakan buku mengenai sejarah daerah Dinding iaitu “Dinding: Lipatan Sejarah” dengan kerjasama Pejabat Karang Mengarang (PKM) dan Persatuan Sejarah Perak.

KESIMPULAN

Merujuk kepada artikel “Penghasilan Karya Ilmiah

antara Tuntutan Kerjaya dan Tanggungjawab Akademik oleh Wan Suhaimi Wan Abdullah (UTM) (2024) menyatakan para ilmuwan kini, perlu menghasilkan penulisan karya bermutu. Ia sepatutnya menjadi tanggungjawab bahkan kewajiban mereka. Beliau juga menegaskan apabila seseorang itu menceburi bidang dan alam ilmu serta memilih profesyen pensyarah sebagai kerjayanya atau berminat untuk menjadi penulis, salah satu niat mulia yang sepatutnya ditanam ialah untuk mendokong dan mengembangkan bidang ilmu pengetahuan yang dikuasai jika dia adalah seorang pensyarah. Manakala, jika dia seorang penulis, perlu menyebarkan mesej-mesej tertentu melalui penulisan. Misi ini sememangnya tidak dapat direalisasikan melainkan dengan mendalami dan mengikuti perkembangan semasa ilmu atau isu serta masalah-masalah berkaitan secara berterusan. Pensyarah juga perlu turut serta dalam perbincangan ilmu melalui penyelidikan dan seminar, seterusnya mendokumentasikan hasil dapatan terkini untuk ditelaah oleh ahli dan penuntut yang terpanggil untuk turut menyertai perkembangan ilmu tersebut.

Majlis
**ANUGERAH
PIM-KPT 15**
2024
Kali Ke-
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI, PUTRAJAYA

INSPIRASI BITARA



Anugerah PENULIS PROLIFIK TERBAIK (Pemenang Utama)





Raja Ezati Ratu Muay Thai UPSI –

Raih pingat Emas di SUKMA, Sarawak mewakili negeri Perak



Oleh
Ramli bin Mosmin
ramli_m@upsi.edu.my

PENGENALAN

Raja Izati Nabiha binti Raja Anuar dilahirkan pada 17 Oktober 2004 di Selayang, Selangor. Beliau merupakan anak sulung daripada tiga beradik yang kini masing-masing berusia 22, 17 dan 11 tahun. Ayahnya Raja Anuar berasal dari Kelantan dan ibunya Noraziah binti Ilias pula berasal dari Kedah. Ayahnya bekerja sendiri dan kini dia dan keluarga menetap di Gombak. Kesemua adik beradiknya Raja Izaffudin Petra dan Raja Izara Sofe aktif dalam sukan Muay Thai dan menunjukkan minat yang mendalam dalam bidang seni mempertahankan diri.

Izati memulakan zaman persekolahan di Sekolah Kebangsaan Sri Gombak 2, sebelum melanjutkan pelajaran ke peringkat menengah di SMK Hill Crest juga di Gombak. Sepanjang zaman persekolahannya, beliau aktif dalam pelbagai aktiviti kokurikulum. Di sekolah menengah, beliau turut mendalami bidang sukan yang kini menjadi minat dan pilihannya.

Kini, Izati sedang melanjutkan pelajarannya di peringkat Diploma Sains Sukan di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Minatnya dalam sukan dan kecergasan mendorongnya untuk memilih bidang ini sebagai pilihan kerjaya di masa hadapan. Dengan semangat dan dedikasi yang tinggi, beliau berharap dapat memberi sumbangan dalam dunia sukan dan menjadi contoh kepada generasi muda dalam mencapai kejayaan.

Pengurus Muay Thai Negeri Perak merupakan insan yang memberikan dorongan kepada Izati untuk melanjutkan pelajaran di UPSI apabila beliau memberikan pautan mengenai peluang belajar di sini. Melalui bantuan ini, Izati dapat melihat lebih jelas jalan untuk mengejar impian dalam bidang Sains Sukan, dan ia menjadi langkah penting dalam perjalanan akademiknya untuk masa depan yang lebih cerah.

Ayah Izati yang ditemui semasa menemani sesi temubual ini sangat menggalakkan anak-anaknya serius dalam bidang sukan sambil menjaga kecemerlangan akademik. Dengan memberikan galakan melalui pembelian peralatan

sukan dan menghantar anak-anak ke sesi latihan, ibu bapa seperti ayah Izati membina keyakinan diri serta memupuk minat yang mendalam. Di samping itu, penekanan terhadap akademik memastikan anak-anak mempunyai jalan alternatif selepas bersara dari sukan, sekaligus menjamin masa depan mereka.

PENGLIBATAN AWAL DALAM SUKAN MUAY THAI

Izati mula terlibat dalam sukan Muay Thai apabila mengikut ayahnya yang menghantar adiknya ke sesi latihan. Pada asalnya, beliau terlibat dalam sukan Taekwondo sejak berusia 10 tahun, namun selepas itu, beliau mula berlatih Muay Thai. Walaupun pada mulanya Izati terlibat dalam sukan ini secara terpaksa kerana mengikut ayahnya, Izati tidak begitu menyukai sukan tersebut kerana ia merupakan sukan yang agak kasar berbanding dengan sukan yang lain.

Namun, sokongan daripada ibu dan ayahnya amat besar. Ayahnya yang juga mempunyai sepupu yang merupakan bekas atlet Muay Thai Malaysia, menggalakkan Izati untuk terus berlatih dan bertanding. Walaupun pada mulanya beliau tidak begitu berminat, semangat dan



dorongan daripada keluarga telah memberi kekuatan untuk terus mencuba dan memperbaiki pencapaian dalam sukan ini.

Pada usia 11 tahun, Izati mula bertanding dalam pertandingan Muay Thai. Walaupun sering kalah dalam pertandingan, ayahnya tetap memberi sokongan dan percaya kepadanya. Menurut ayahnya, kekalahan Izati bukanlah kekalahan secara *Knock Out* (KO), tetapi hanya kekalahan berdasarkan kiraan mata. Keyakinan dan dorongan daripada keluarga membuatkan Izati terus berusaha dan tidak berputus asa dalam sukan ini.

Dalam pada itu, Raja Anuar menghargai UPSI yang memberikan laluan khas kepada anaknya berdasarkan penglibatan aktif anaknya dalam sukan untuk menyambung pelajaran. Kombinasi antara kecemerlangan sukan dan akademik, diiringi bimbingan institusi, membolehkan pelajar seperti Izati mencapai matlamat jangka panjang secara holistik

MULA JATUH CINTA DENGAN SUKAN MUAY THAI

Selepas menyertai beberapa kejohanan Muay Thai di Liga Kebangsaan, pengalaman dan kemahiran Izati mula meningkat dengan pantas. Format kejohanan Liga

Kebangsaan berdasarkan pertandingan kalah mati, namun beberapa kali Izati berjaya melangkah ke peringkat seterusnya dan bahkan beberapa kali mengalahkan pesaingnya secara KO. Kejayaan ini memberi keyakinan kepadanya dan membuatkan beliau mula meminati sukan Muay Thai dengan lebih mendalam.

Izati terus mencipta kejayaan besar apabila beliau memenangi tiga kali kejohanan di peringkat kebangsaan, yang akhirnya membuka peluang untuknya menyertai kejohanan peringkat dunia di Turkiye. Pada kejohanan tersebut Izati berusia 15 tahun, Izati berjaya meraih tempat ketiga dalam kategori bawah 45kg, satu pencapaian yang sangat membanggakan. Pengalaman ini memberi peluang kepadanya untuk berjumpa dengan pesaing-pesaing dari luar negara yang jauh lebih berpengalaman, dan ia menjadi satu cabaran besar dalam perjalanan kariernya.

Saingan terbesar yang dihadapi Izati datang daripada atlet Muay Thai dari negara Rusia dan negara-negara Balkan, yang mempunyai rekod prestasi yang cemerlang dalam sukan ini. Walaupun menghadapi cabaran hebat, Izati tetap menunjukkan semangat juang yang tinggi dan bertekad untuk terus

memperbaiki diri dalam mengharungi persaingan di peringkat antarabangsa.

Izati menghadapi cabaran besar dalam sukan Muay Thai kerana sukan ini tidak dianjurkan secara rasmi di sekolah, menjadikannya terpaksa mencari kejohanan-kejohanan luar yang dianjurkan oleh pelbagai penganjur. Penyertaan atlet perempuan dalam kategori Muay Thai juga masih dianggap rendah, menyebabkan beliau sering kekurangan peluang untuk bersaing di peringkat yang lebih tinggi. Walaupun begitu, semangat juang Izati tetap membara. Kini, beliau lebih kerap menjalani latihan di rumah kerana keluarganya telah menyediakan peralatan latihan lengkap. Jika latihan di rumah tidak mencukupi, Izati akan berkelana ke Ipoh untuk menjalani latihan intensif di sana bagi meningkatkan lagi kemahiran dan kecergasan fizikalnya bersama pasukan Muay Thai Perak.

Izati tidak dapat menyertai pasukan Selangor kerana pada permulaan penglibatannya, pasukan Selangor tidak mempunyai atlet perempuan dalam kategori yang sesuai dengannya. Ini menjadikannya sukar untuk memperoleh peluang bersaing di peringkat negeri. Namun, takdir berpihak kepadanya apabila *Coach Bernard Radin* dari Perak

melihat potensi besar dalam dirinya dan menawarkan tempat untuknya dalam pasukan. Tanpa ragu-ragu, ayahnya segera memberi sokongan penuh dan bersetuju dengan tawaran tersebut. Keputusan ini membuka pintu baru untuk Izati, memberikan beliau peluang yang lebih besar untuk mencipta kejayaan dalam sukan Muay Thai, yang telah menjadi sebahagian penting dalam hidupnya.

KERJAYA SEBAGAI ATLET MUAY THAI

Meskipun sukan Muay Thai semakin berkembang, untuk menjadikannya sebagai kerjaya tetap bagi atlet perempuan masih agak sukar, terutama dengan cabaran yang kurangnya peluang dan sumber kewangan yang terbatas. Penyertaan dalam kejohanan-kejohanan besar memerlukan perbelanjaan yang tinggi, dan hanya dengan bertanding di peringkat antarabangsa barulah atlet dapat membina nama, menarik perhatian penaja, serta penganjur yang mungkin berminat untuk mengadakan perlawanan dengan bayaran yang lebih tinggi. Namun, tempoh jangka hayat sebagai seorang atlet juga menjadi halangan utama, kerana sukan tempur seperti Muay Thai memerlukan ketahanan fizikal yang luar biasa, dan tidak semua orang dapat mengekalkan prestasi tinggi

dalam tempoh yang panjang.

Sukan yang melibatkan kemahiran dan penilaian subjektif sering menghadapi cabaran dalam aspek pemilihan atlet. Namun, dengan pendekatan berdasarkan merit dan pencapaian, proses pemilihan menjadi lebih telus, adil, dan profesional. Kaedah ini bukan sahaja mengelakkan bias atau pilih kasih, tetapi juga memastikan hanya atlet terbaik yang diberi peluang untuk mewakili pasukan, sekaligus menjamin prestasi cemerlang dalam setiap kejohanan.

Walaupun sukan ini tidak menjanjikan masa depan yang cerah ketika artikel ini ditulis, Izati bijak memanfaatkan peluang dengan menyertai kejohanan-kejohanan untuk meraih kemenangan dan menjana duit poket. Berbeza dengan pelajar lain yang bekerja sambil, Izati menjadikan bakatnya sebagai sumber pendapatan, membuktikan bahawa sukan bukan sekadar hobi tetapi juga platform untuk membantu mendapatkan sumber kewangan semasa sesi pembelajarannya di UPSI.

Oleh sebab itu, Izati tetap menjadikan pelajaran sebagai keutamaan dalam hidupnya, walaupun bergelut dengan kesukaran dalam dunia sukan ini. Terdapat

masa-masa di mana beliau hampir berputus asa, terutama ketika menjalani latihan yang sangat keras dan sering dimarahi oleh jurulatih. Ketika menghampiri peperiksaan SPM, Izati hampir mengalah dengan sukan ini, namun jurulatih, Bernard Radin, memberi peluang baharu apabila beliau menghubungi Izati untuk menawarkan penyertaan dalam Sukan SEA 2023. Tawaran tersebut membuka lembaran baharu dalam perjalanan karier Izati, memberi semangat baharu untuk terus maju dalam kedua-dua bidang, sukan dan pelajaran.

HARAPAN.

Izati berharap agak suatu hari nanti UPSI bakal mempunyai gimnasium sendiri untuk sukan Muay Thai. Dengan kemudahan gimnasium khusus, UPSI boleh mengasah bakat atlet secara holistik, dari teknik Muay Thai Djab Ko hingga seni Wai Kru yang dipelajari di Thailand. Dalam masa yang sama Izati berharap agar acara sukan Muay Thai ini dipertandingkan di peringkat MASUM dan SUKIPT agar ramai lagi atlet baharu dapat dilahirkan di universiti. Dengan menyemarakkan kelab sukan Muay Thai di UPSI membolehkan interaksi antara atlet melalui sesi latihan bersama jurulatih tempatan mahupun antarabangsa, serta persaingan sihat dalam kejohanan, akan

memperkaya pengalaman dan meningkatkan kualiti bakat. Dengan semangat “Biar mandi peluh dalam latihan, asal tak mandi darah dalam pertandingan”, UPSI pasti mampu melahirkan atlet yang berdedikasi demi menaikkan nama institusi.

Kerjasama dengan Persatuan Negeri juga mampu untuk menarik bakat dan membangunkan sukan ini. Dengan kolaborasi strategik bersama persatuan sukan negeri, UPSI boleh menjadi pusat kecemerlangan yang menarik atlet muda melalui program seperti bengkel teknik khusus, sesi latihan bersama jurulatih berpengalaman dan pertukaran idea antara pelajar dan atlet profesional. Inisiatif ini bukan sekadar menarik minat baharu, tetapi juga membuka peluang untuk UPSI menjadi platform pembangunan sukan yang diiktiraf di peringkat kebangsaan.



PENCAPAIAN RAJA IZATI NABIHA RAJA ANUAR MUAY THAI

BIL	KEJOHANAN	PENCAPAIAN
1	Rentap Fighting Championship (2025)	Penyertaan
2	SUKMA SARAWAK (2024)	Emas
3	Kejohanan Muay Thai Pro Remaja dan Senior Kebangsaan (2023)	Juara , Belt
4	Sea Games Cambodia (2023)	Penyertaan
5	IFMA World Youth Muay Thai Championship Malaysia (2022)	Gangsa
6	Any Martial Art (AMA) Grand Final (2022)	Juara , Belt
7	IFMA World Youth Muay Thai Championship Turkey (2019)	Gangsa





UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اونيزرستي فنديدينقن سلطان ادريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS ■ KELUARAN 12/2024 BIL. 22 ■

Inspirasi